

# Mandat rakyat dilindungi

BH- 28/7/2022 m/s: 2

**Pembentangan pastikan kemelut politik sejak dua tahun lalu tidak berulang**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 di Dewan Rakyat semalam, mencerminkan kematangan landskap sahsiah tanah air, selain memastikan kemelut politik berpanjangan sejak dua tahun lalu tidak berulang.

Ahli Parlimen meletak harapan tinggi terhadap pindaan itu supaya tiada lagi krisis politik tercetus akibat tindakan lompat parti hingga boleh menjejaskan kestabilan negara, termasuk perubahan pimpinan pentadbiran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata RUU itu adalah mesej jelas kepada setiap ahli Parlimen untuk berpegang kepada prinsip parti diwakili, melindungi mandat rakyat yang diterima ketika pilihan raya, serta kepercayaan tinggi kepada mereka ketika proses pilihan raya.

"RUU ini mampu menghentikan tindakan mana-mana pihak yang dipilih dan dilantik, daripada bertukar parti tanpa sebab kukuh atau alasan munasabah, sekali gus memastikan kestabi-



Ismail Sabri ketika membentangkan RUU Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 berkaitan larangan ahli Parlimen bertukar parti di Dewan Rakyat, semalam. (Foto ihsan Jabatan Penerangan)

lan politik negara untuk jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan RUU Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 berkaitan larangan ahli Parlimen bertukar parti di Dewan Rakyat, semalam.

Ismail Sabri juga menyifatkan RUU itu sebagai sejarah besar negara kerana ia dihasilkan melalui perundingan dan perbincangan antara pihak kerajaan dan pembangkang.

"Semoga RUU ini berupaya melakar sejarah seperti mana pindaan Perlembagaan berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), yang memperoleh sokongan penuh semua ahli Parlimen yang berjiwa besar," katanya.

## Lapan parameter

Penggubalan RUU itu dibuat berasaskan lapan parameter iaitu:

- Status ahli Parlimen gugur jika keluar daripada sesebuah parti politik dan menyertai parti lain dalam gabungan sama atau berbeza.

- Status ahli Parlimen turut gugur jika meninggalkan parti politik diwakili ketika menjadi calon kepada ahli Bebas.

Ismail Sabri berkata, RUU memperincikan keanggotaan seorang ahli Parlimen merujuk kepada keahlian dalam parti politik sahaja dan tidak membatikan keanggotaan partinya dalam mana-mana gabungan.

"Ia bermakna jika sesebuah parti politik keluar daripada gabungan seperti yang berlaku pada 2020 apabila BERSATU memutuskan untuk keluar daripada Pakatan Harapan (PH), parti itu tidak kehilangan kerusi," katanya.

Perdana Menteri berkata, RUU itu turut menyediakan peruntukan sama untuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dengan memasukkan seksyen baharu 7A ke dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, katanya, seperti dimaklumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Da-

tuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, sebelum ini, penguatkuasaan seksyen 7A tertakluk kepada persetujuan Sultan dan Yang Dipertua negeri serta kelulusan di peringkat DUN.

Pindaan Perlembagaan yang mula dibentangkan Ismail Sabri pada jam 11.40 pagi semalam, mengandungi empat perenggan dan enam fasal, dengan empat daripadanya adalah fasal baharu.

Rang undang-undang itu juga memansuhkan larangan bertanding selama lima tahun terhadap mereka yang meletak jawatan sebagai ahli Parlimen.

"Fasal baharu 3 bertujuan untuk memotong Fasal (6) Perkara 48. Pemotongan ini akan membolehkan mana-mana ahli Dewan Rakyat yang melepaskan keahliannya untuk bertanding semula pada bila-bila masa selepas dia melepaskan keahliannya dalam Dewan Rakyat dan dengan demikian kehilangan kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat bagi tempoh lima tahun tidak lagi terpakai," katanya.

## Terima pandangan bertulis

Ismail Sabri, berkata turut dimasukkan ialah kuasa Yang di-Pertuan Agong, boleh dengan kebenaran ketua negeri untuk menjadikan undang-undang ini terpakai di peringkat negeri menerusi pewartaan.

Perenggan 1 bertujuan memasukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan berkenaan dengan fasal 6, iaitu Yang di-Pertuan Agong boleh, dengan persetujuan

Raja atau Yang Dipertua Negeri bagi sesuatu negeri, menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi fasal itu dalam negeri itu.

"Dalam erti kata lain, perenggan ini memberi ruang kepada kerajaan negeri/Dewan Undangan Negeri melaksanakan peruntukan larangan ahli Dewan Rakyat bertukar parti melalui pindaan Perlembagaan Negeri, tertakluk persetujuan Raja atau Yang Dipertua Negeri," katanya.

Ismail Sabri berkata, pertimbangan sewajarnya dan perbincangan lanjut dibuat Jawatankuasa Pilihan Khas berkaitan RUU itu terhadap semua persoalan berbangkit berkaitan rang undang-undang itu.

Katanya, ia termasuk implikasi penggubalan peruntukan tertentu berkaitan perkara itu kepada ahli Dewan Rakyat.

"Jawatankuasa Pilihan Khas juga menerima pandangan bertulis daripada pelbagai pihak termasuk NGO, CSO, ahli akademik dan parti politik, antaranya The Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH), Transparency International Malaysia (TI-M) dan Malaysia 5 Centre for Constitutionalism and Human Rights (MCCHR).

"Semua input dan pandangan yang diterima daripada ahli Jemaah Menteri, NGO, CSO, ahli akademik dan parti politik itu diteliti dan dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas," katanya.

Sesi perbahasan bersambung hari ini sebelum penggubalan oleh Wan Junaidi, diikuti dengan pengundian belah bahagian.

## Ibadat & Fadilat

Daripada Abu Qatadah: "Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW membaca dalam solat Zuhur pada dua rakaat yang pertama dengan ummul kitab dan dua surah. Dan pada dua rakaat terakhir, Baginda membaca ummul kitab." (HR Bukhari & Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:59	1:28	4:49	7:39	8:53
Alor Setar	6:00	1:27	4:49	7:38	8:52
P. Pinang	6:02	1:27	4:49	7:37	8:51
Ipoh	6:01	1:25	4:47	7:34	8:47
Kuala Lumpur	6:00	1:23	4:45	7:30	8:43
Shah Alam	6:00	1:23	4:45	7:30	8:43
Johor Bahru	5:54	1:14	4:36	7:19	8:32
Kuantan	5:55	1:17	4:39	7:24	8:37
Seremban	6:00	1:21	4:43	7:27	8:40
Bandar Melaka	5:59	1:20	4:42	7:26	8:39
Kota Bharu	5:54	1:20	4:42	7:31	8:40
K. Terengganu	5:51	1:16	4:38	7:26	8:39
Kota Kinabalu	5:00	12:26	3:47	6:36	7:49
Kuching	5:29	12:49	4:11	6:54	8:07